

Berita Manmin

NO. 42 6 JULAI 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan

Kasih kurnia-Nya mekar dengan tenang dalam hatiku bagaikan sekuntum bunga, kedamaian-Nya meresap ke dalam rohku seperti angin sepoi-sepoi.



Saya sembuh daripada pergelangan kaki yang patah!

Saudari Bokja Kim | 66 tahun, Bandar Khas Suwon, Gyeonggi, Korea Selatan

Pada November 2024, saya terpijak hujung tanga yang salah lalu terjatuh. Saya biasanya sangat sabar, tetapi kesakitan yang teruk pada pergelangan kaki kanan saya tidak tertahan.

Walaupun sudah dua bulan berlalu, pada bulan Januari 2025, kesakitan itu tidak hilang, dan saya terpaksa berjalan tempang. Orang di sekeliling saya menyuruh saya pergi ke hospital, tetapi saya tidak mampu kerana keadaan kewangan yang kurang baik.

Suatu hari pada bulan Februari, saya mengalami kesakitan yang sangat teruk di tempat kerja lalu dihantar ke hospital. Pemeriksaan menunjukkan bahawa pergelangan kaki saya retak dan patah. Doktor mengatakan bahawa saya perlu menjalani pembedahan dengan segera dan perlu berehat selama sebulan selepas itu. Saya berasa risau tentang kos pembedahan, jadi saya menjawab, "Saya akan berbincang dengan keluarga saya," lalu meninggalkan hospital.

Saya memberitahu ketua sel

saya tentang keadaan saya, dan kemudian semua ahli sel termasuk dia berdoa untuk saya. Pada 10 Mac, saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel untuk kepuuhan Roh Kudus sebagai persiapan untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Dalam perjumpaan doa, saya merenung masa lalu saya.

Saya bertaubat secara menyeluruh kerana mengabaikan banyak nasihat, termasuk amaran yang mengatakan, "Jangan terlibat dalam urusan kewangan antara anggota gereja." Sejak itu, dalam ibadat pagi dan petang Ahad, khutbah-khutbah mula meresap ke dalam hati saya.

Pada 28 Mac, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dengan penuh kerinduan, dan berasa seolah-olah Pastor Soojin Lee sedang memberikan nasihat peribadi kepada saya. Saya berasa sangat tersentuh oleh khutbah beliau. Ketika beliau berdoa untuk orang sakit dari podium, kaki saya tiba-tiba menjadi ringan dan



kesakitan pada pergelangan kaki saya hilang sepenuhnya. Selepas itu, saya tidak tempang lagi dan dapat berjalan seperti biasa. Haleluyah!

Saya juga diberkati dengan pekerjaan baru yang membolehkan saya bekerja 5 hari seminggu di tempat yang berdekatan dengan rumah saya. Saya memberikan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan kerana menyembuhkan dan memberkati saya.

Saya sembuh daripada kecederaan rotator cuff dan osteoarthritis lutut!

Saudari Bokim Choi | 73 tahun, Gangnam-gu, Seoul, Korea

Saya bergantung pada kerusi roda bermotor akibat osteoarthritis lutut yang kronik. Pada musim sejuk 2020, saya terlibat dalam kemalangan kereta dan berpusing di atas jalan yang licin semasa berada di atas kerusi roda. Saya segera dibawa ke hospital. Imbasan CT dan MRI menunjukkan bahawa saya mengalami kecederaan rotator cuff pada kedua-dua bahu.

Rotator cuff ialah sekumpulan otot dan tendon yang menstabilkan dan membantu pergerakan bahu. Bahu saya mengalami koyakan sepenuhnya. Doktor mencadangkan pembedahan, tetapi kerana keadaan kewangan, saya tidak dapat memikirkannya. Sebaliknya, saya bergantung pada ubat-ubatan, terapi suntikan, dan klinik rawatan kesakitan. Namun begitu, kesakitan teruk yang saya alami tidak berkurang sama sekali.

Apabila saya mengangkat tangan saya walaupun sedikit, ia menyebabkan rasa kebas dan sakit. Oleh sebab deria saya menjadi tumpul, saya mengalami kesukaran memakai baju atau menyikat rambut. Kesakitan semakin teruk pada waktu malam, menyukarkan saya tidur, dan keletihan serta kesakitan berterusan menyebabkan saya mengalami kemurungan. Lebih teruk lagi, saya jatuh dari tangga, dan sejak itu saya hidup dalam keputusasaan.

Suatu hari pada November 2024, saya bertemu dengan jiran saya, Diaken Kanan Sodam Kim. Ketika menyampaikan Injil, dia berkata kepada saya, 'Ibu, biarlah saya menjadi



anak perempuan ibu,' dan kata-kata hangat itu membuka hati saya. Apabila dia memperkenalkan kerja-kerja hebat Tuhan melalui Pastor Soojin Lee, saya percaya bahawa saya juga akan sembuh.

Pada 13 November 2024, saya pergi ke Gereja Manmin Bundang dan menghadiri Ibadat Rabu. Selepas ibadat, Pastor Deokbun Seo berdoa untuk saya, lalu saya berasa segar pada bahu dan kesakitan berkurang.

Perkara yang lebih menakjubkan berlaku dalam ibadat pagi Ahad. Pastor Kanan Lee menyampaikan khutbah tentang Ucapan Berkat dalam ibadat

pagi Ahad dan mengajar daripada Kitab Ayub dalam ibadat petang Ahad. Jiwa saya dipenuhi dan dahaga saya terpuaskan seperti span menyerap air. Setiap khutbah beliau terukir dengan mendalam dalam hati saya. Mengejutkan, kesakitan bahu akibat kecederaan rotator cuff hilang sekitar 90%, dan saya dapat mengangkat tangan serta menggerakkannya dengan bebas. Saya juga dapat mengangkat benda yang berat.

Pada 29 November 2024, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi buat kali yang pertama dan mengalami kasih kurnia Tuhan yang besar. Semasa mendengar khutbah Pastor Kanan Soojin Lee, saya bertaubat atas kesombongan dan kebencian dalam hati serta mengeluh tentang penyakit dan keadaan saya. Pada saat itu, saya merasakan cahaya hangat mendakap saya, lalu kesakitan pada kaki dan bahu saya hilang sepenuhnya. Badan saya terasa ringan, dan hati dipenuhi sukacita.

Pada bulan Januari 2025, saya dapat bangun dari kerusi roda dan berjalan dengan bebas. Saya telah menjalani kehidupan Kristian selama lebih 60 tahun, tetapi saya tidak mengetahui kehidupan dengan iman yang sejati dengan dilahirkan kembali oleh Roh Kudus sebelum saya menghadiri ibadat Gereja Pusat Manmin.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang menyembuhkan saya dan memberikan kasih kurnia-Nya. Haleluya!



'Hanya Alkitab' oleh Pastor Soojin Lee

disiarkan melalui YouTube dalam pelbagai bahasa

Ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah



Dialih suara dalam 6 bahasa (Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, dan Perancis) dan disarikatakan dalam 13 bahasa (Korea, Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romania, dan Ibrani).

** Anda dapat menonton 'Hanya Alkitab' hanya dengan mengimbas kod QR.

Saya sembuh daripada tinnitus!

Saudara Eonyang Jeong | 58 tahun, Gangnam-gu, Seoul, Korea

Suatu hari pada tahun 2024, saya tiba-tiba mula mendengar bunyi bising pada kedua-dua telinga. Pada mulanya, saya menganggapnya sebagai perkara sementara dan tidak memikirkannya dengan serius. Namun begitu, bunyi itu tidak hilang malah menjadi semakin kuat.

Pelbagai bunyi, termasuk bunyi enjin kereta atau motosikal, logam dipotong, mesin jahit, motor beroperasi, dan dengungan peralatan pergigian, kedengaran begitu jelas seolah-olah mesin-mesin itu benar-benar beroperasi bersebelahan dengan telinga saya.

Bunyi itu tidak berhenti walaupun saya menutup mata dan menutup telinga, dan hal ini sangat menyakitkan dalam kehidupan sehari-hari saya. Bunyi itu lebih jelas kedengaran ketika saya berada di tempat yang sunyi atau pada lewat malam.

Akhirnya, saya tidak dapat tidur tanpa bantuan minuman keras. Pada setiap malam, saya hanya mampu tidur sebentar, menyebabkan saya mengalami kekurangan tidur. Tumpuan saya semakin menurun, dan tubuh serta fikiran saya menjadi letih.

Saya pergi ke klinik ENT dan menjalani pelbagai ujian, lalu didiagnosis dengan tinnitus. Doktor memberikan ubat dan berkata, "Tinnitus bukan penyakit yang mudah disembuhkan. Pengambilan ubat tidak menjamin kesembuhan kamu."

Namun begitu, saya tetap mengambil



Manmin lalu berdoa untuk saya dengan sapu tangan kuasa (Kisah 19:11-12).

Peristiwa berlaku pada malam itu juga. Ketika saya tidur, tidak ada lagi bunyi mesin jahit, motor, atau peralatan pergigian yang menyeksa saya pada setiap malam. Semua bunyi bising itu hilang sepenuhnya, dan suasana menjadi sunyi. Sekarang saya dapat tidur dengan nyenyak tanpa minum minuman keras. Haleluyah!

Saya segera pergi menemui rakan yang tinggal di apartmen yang sama dan menceritakan peristiwa ajaib ini. "Pasti ada sesuatu yang istimewa di gereja yang dihadiri oleh mereka. Sekarang saya benar-benar bebas daripada bunyi bising itu." Pada 16 Mac, saya dan rakan saya pergi ke Gereja Manmin Bundang dan menghadiri ibadat

Dalam khutbah beliau, Pastor Soojin Lee menekankan pentingnya kebaikan dengan perumpamaan 'Tiga Tindakan Ibu Mencius'. Kata beliau, "Anda harus melihat dengan kebaikan dan mendengar dengan kebaikan." Hal itu merupakan berkat besar buat saya, dan sejak itu, saya menghadiri ibadat Ahad pada setiap minggu. Saya mengalami Tuhan Yang Maha Hidup melalui Firman dan merasakan kedamaian sejati dalam hati saya.

Saya memerlukan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah menyembuhkan saya.

ubat tersebut dengan tekun selama lebih dua bulan demi sedikit harapan. Namun begitu, gejala saya tidak bertambah baik, malah semakin teruk.

Pada 13 Mac 2025, saya mengalami peristiwa menakjubkan yang menjadi titik perubahan dalam hidup saya. Pastor Deokbun Seo, Ketua Paroki 14 Gereja Pusat Manmin dan beberapa orang lain melawat rumah saya untuk penginjilan. Mereka menceritakan banyak mukjizat dan kesembuhan ajaib yang berlaku di Gereja Pusat


Peluang Istimewa untuk Kesihatan dan Kebahagiaan Anda!

Sertai kami untuk Retret Musim Panas Manmin 2025 di mana kesembuhan dan jawapan melimpah melalui kerja Roh Kudus yang berapi-api! Datang dan lihatlah keajaiban baru terungkap dalam kehidupan anda!

4 Ogos 2025 (Ilsnin), 7:00 malam
Perjumpaan Kesembuhan Ilahi

Pembicara:
Pastor Kanan Dr. Soojin Lee

GCN TV | www.gcntv.org
Gereja Pusat Manmin | www.manmin.org Tel. 02-818-7000



Mengapakah mereka membahagikan pakaian Yesus dan membuang undi untuk jubah-Nya? (3)

Sebab mereka tidak mengoyakkan jubah Yesus tetapi membuang undi untuknya
Sejarah Israel dan akhir zaman yang dinubuatkan dalam Alkitab

3. Sebab mereka tidak mengoyakkan jubah Yesus tetapi membuang undi untuknya

Jubah melambangkan hati seseorang. Yesus ialah Raja Israel, jadi jubah-Nya melambangkan hati umat Israel.

Orang Israel ialah umat pilihan Tuhan, dan bapa Israel ialah Yakub yang mewarisi iman Abraham. Mereka menyembah Tuhan, satu-satunya Tuhan yang benar. Ketika jubah Yesus tidak dikoyakkan, hal ini bermaksud bahawa bangsa Israel akan dihancurkan, tetapi semangat kebangsaan Israel dan hati mereka yang menyembah Tuhan tidak akan binasa.

Israel dihancurkan dan negara itu lenyap. Namun begitu, tiada bangsa atau sesiapa pun dapat mengambil Tuhan daripada hati mereka dan kesetiaan mereka terhadap Tuhan. Kitab Suci telah menubuatkannya kebenaran ini.

Tuhan memilih orang Israel yang mempunyai hati yang benar dan tidak berubah, dan mengutus Anak-Nya yang tunggal, Yesus, dalam kalangan mereka seperti yang tercatat dalam Kitab Suci. Sehingga hari ini, orang Yahudi mempunyai hati yang ikhlas dalam mentaati Taurat dengan sempurna. Hal ini demikian kerana mereka mewarisi hati Yakub yang tidak berubah, nenek moyang Israel.

Israel dimusnahkan pada tahun 70 Masihi dan bangsa Israel terserak ke seluruh dunia. Namun begitu, selepas sekian lama, Israel mencapai kemerdekaan pada tahun 1948 dan menakjubkan seluruh dunia. Dalam masa yang singkat selepas kemerdekaan, Israel menyertai

"Setelah menyalib Yesus, askar-askar mengambil pakaian-Nya, dibahagi empat, sebahagian untuk setiap askar. Mereka mengambil jubah-Nya juga. Jubah itu tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas. Oleh itu, mereka berkata sesama sendiri, 'Janganlah kita koyakkan. Kita buang undi untuk menentukan siapa yang dapat.' Dengan demikian terlaksanalah apa yang tersurat dalam Kitab Suci: 'Mereka membahagikan pekaian-Ku antara mereka dan untuk mendapat jubah-Ku mereka membuang undi.' Begitulah yang dilakukan oleh askar-askar itu."

(Yohanes 19:23-24)

negara-negara maju dan menunjukkan kecemerlangan mereka.

Seperti askar Roma tidak dapat mengoyakkan jubah Yesus, begitu juga tiada siapa yang dapat mengambil semangat Israel dalam menyembah Tuhan. Akhirnya, mereka membangunkan semula negara mereka dan meraih kemerdekaan, memenuhi kehendak Tuhan sebagai umat pilihan-Nya.

4. Sejarah Israel dan akhir zaman yang dinubuatkan dalam Alkitab

Dalam Matius 24:32-34, Yesus berkata, "Ambillah iktibar daripada ibarat tentang

pokok ara. Apabila dahan-dahannya sudah melembut dan mula bertunas, kamu tahu musim panas hampir tiba. Demikianlah apabila kamu melihat perkara-perkara ini, ketahuilah bahawa waktunya hampir tiba, sudah di ambang pintu. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, angkatan zaman ini tidak akan luput sebelum segalanya ini terjadi."

Yesus memberikan perumpamaan ini ketika menjelaskan kepada murid-murid-Nya tentang tanda kedatangan-Nya dan akhir zaman. Petikan ini mengandungi maksud rohani yang mendalam.

'Pokok ara' melambangkan Israel. Kita dapat melihat bahawa apabila daun-daun gugur dan angin sejuk bertiup, musim sejuk akan tiba, dan apabila pokok ara menjadi lembut, musim panas semakin hampir. Begitu juga, Israel dihancurkan dan lenyap, tetapi apabila mereka kembali memperoleh kemerdekaan, hal ini bermaksud bahawa kedatangan kedua Tuhan Yesus sudah dekat.

Kita tidak tahu berapa lama "angkatan" yang dimaksudkan oleh Yesus, tetapi yang pasti adalah bahawa ia akan berlaku. Oleh sebab kita telah menyaksikan kemerdekaan Israel, kita tahu bahawa masa kedatangan-Nya sudah dekat.

Oleh itu, orang percaya yang menantikan kedatangan kedua Tuhan Yesus harus lebih berjaga-jaga, menyediakan minyak yang cukup, dan menghiasi diri sebagai pengantin-Nya agar dapat menyambut-Nya dengan yakin, sambil berkata, "Datanglah, Tuhan Yesus!"

<Bersambung dalam edisi yang seterusnya>